

**SENARAI TUGAS  
ATASE SAINS  
PEJABAT PERWAKILAN TETAP MALAYSIA KE UNESCO, PARIS**

**Kategori Jawatan** : **Gred 52 (Terbuka)**  
**Bertanggungjawab Kepada** : **Wakil Tetap Malaysia**

1. Membantu Wakil Tetap dalam semua perkara berhubung dengan bidang pengkhususan UNESCO khususnya dalam bidang sains, sains sosial, komunikasi dan maklumat serta pendidikan tinggi;
2. Membantu Wakil Tetap dalam mewakili negara dalam semua mesyuarat/persidangan/seminar sub-organ dan kumpulan serantau yang berkaitan dengan bidang tugas utama di UNESCO khususnya dalam bidang sains, sains sosial, komunikasi dan maklumat serta pendidikan tinggi;
3. Membantu Wakil Tetap dalam merapatkan hubungan kerjasama antara Pejabat Perwakilan semua negara anggota UNESCO dan pegawai-pegawai Sekretariat UNESCO.
4. Mengadakan perhubungan dan perundingan saintifik dan teknikal dengan sektor sains, sains sosial, komunikasi dan maklumat serta pendidikan tinggi di UNESCO bagi membantu memantapkan *strategic alliance* dengan kumpulan serantau negara-negara UNESCO;
5. Memantau serta menyelaras penglibatan negara di dalam semua sub-organ dalam bidang sains, sains sosial, komunikasi dan maklumat serta pendidikan tinggi;

6. Memantau pelaksanaan Memorandum Persefahaman (MoU) antara Kerajaan dengan UNESCO dalam bidang sains, sains sosial, komunikasi dan maklumat serta pendidikan tinggi;
7. Mengenalpasti, mengkaji dan merangka perencanaan strategi bagi memastikan kejayaan Malaysia merangkul anugerah/hadiah/*fellowship* berhubung bidang sains, sains sosial, komunikasi dan maklumat serta pendidikan tinggi
8. Membantu dalam urusan pentadbiran dan kewangan PPTM seperti:
  - i. Penganjuran pameran, resepsi, persembahan dan program lain yang dianjurkan oleh PPTM di UNESCO;
  - ii. Pengurusan Aset Alih dan Stor Kerajaan PPTM selaku Pegawai Pemeriksa;
  - iii. Perakuan Baucar Bayaran (bil, tuntutan pegawai dan perolehan) selaku Peraku II.
9. Menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa.